



جابتن کواڠن دان ڦرينداهاراءن نگري ملاڪ

JABATAN KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI MELAKA

Aras 2, 3 & 4, Blok Bentara
Kompleks Seri Negeri
Hang Tuah Jaya, Ayer Keroh
75450 MELAKA

Tel. (ONCC) : 06-333 3333
Faks : 06-231 6489
Laman Web : jkpm.melaka.gov.my

Rujukan kami : PNM(KPS)125Jld2(30)

Tarikh : ٢٧hb, November 2018
٣٠ Safar 1440Hijrah

Semua Ketua Jabatan / Pusat Tanggungjawab
Negeri Melaka
(Seperti Senarai Edaran)

YB Datuk Seri/YB Datuk/Tuan/Puan,

SURAT ARAHAN OPERASI BENDAHARI NEGERI BIL. 4 TAHUN 2018 - TARIKH AKHIR BAYARAN TAHUN 2018 DAN PENUTUPAN AKAUN KERAJAAN NEGERI MELAKA TAHUN 2018

Saya dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa **tarikh akhir bayaran** bagi perbelanjaan tahun 2018 adalah pada **21 Disember 2018**. Baucar-baucar bayaran tahun 2018 hendaklah dikemukakan kepada Bendahari Negeri sebelum atau pada tarikh akhir bayaran yang ditetapkan. Semua **bayaran selepas tarikh ini akan dicajkan** kepada peruntukan tahun 2019 di bawah AP58(a).
3. Bagi mengurangkan bayaran di bawah AP58(a) tahun 2019, semua Pegawai pengawal perlu memastikan langkah-langkah berikut diambil :
 - 3.1 Baki peruntukan sedia ada hendaklah diberi keutamaan untuk bayaran emolumen tahun 2018;
 - 3.2 Bayaran rutin bulanan bagi kontrak jangka panjang perlu dibayar sepenuhnya dan penyelarasan semula dibuat pada bulan berikutnya;
 - 3.3 Bayaran sewaan dan utiliti bulanan perlu dibayar menggunakan peruntukan sedia ada bedarkan jumlah purata empat (4) bulan terakhir dan penyelarasan dibuat pada bulan berikutnya; dan
4. Adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan untuk memastikan tindakan penyelarasan dibuat pada bayaran bulan berikutnya, supaya tidak berlaku lebihan bayaran kepada pihak pembekal/syarikat.
5. Oleh yang demikian, Ketua Jabatan perlu menjelaskan semua tanggungan tahun 2018 secepat mungkin dan tidak perlu menunggu sehingga tarikh akhir bayaran.




6. Sebarang pertanyaan boleh hubungi Pegawai di Unit Perkhidmatan Operasi ditalian 06-2307 589/2307 590/ 2307 662 / 2307 441.

Sekian, terima kasih.

“MELAKA BERWIBAWA”
“PINTAR, HIJAU, BERSIH”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK HANAFI BIN SAKRI)
Pegawai Kewangan Negeri,
MELAKA